Universiti Malaysia PAHANG

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

SUMBER : Berita Minggu
TARIKH : 22.04.07
MUKA SURAT : 8

KUANTAN, Nasional

## Saran kaji biodiversiti

BM(Ahad 22/4) ms: 8

Kerajaan negeri berharap Universiti Malaysia Pahang (UMP) akan meneruskan usaha penyelidikan terhadap sumber biodiversiti yang ada di Pahang dan mengetengahkannya supaya boleh dimanfaatkan oleh usahawan.

Bercakap selepas mengetuai rombongan wakil rakyat dalam Majlis Mesra UMP Bersama Wakil Rakyat Negeri Pahang Darul Makmur dekat Gambang, semalam, Timbalan Menteri Besar, Datuk Tan Mohd Aminuddin Ishak, berkata penyelidikan berkaitan teknologi dan kejuruteraan boleh dimanfaatkan usahawan dan menambah nilai dari segi ekonomi.

"Hasil taklimat saya dapati kos yang diperlukan tidak begitu tinggi dan kita mempunyai bahan mentah yang diperlukan seperti kelapa sawit, sayur-sayuran dan buah-buahan," katanya.